

PM: Tangani isu keganasan tanpa sebelahi mana-mana pihak

UM 15 SEP 2001

Oleh YUSRI SAHAT dan NIZAM YATIM

KUALA LUMPUR 14 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meminta semua negara berbincang secara serius bagi menangani isu keganasan tanpa menyebelahi mana-mana pihak.

Ini kerana, kata Perdana Menteri, jenayah keganasan me-

rupakan masalah global yang perlu ditangani secara bersama oleh semua negara di dunia.

Bercakap kepada pemberita selepas menandatangani buku takziah di Kedutaan Amerika Syarikat (AS) di sini, beliau berkata:

“Negara-negara Islam tidak boleh memihak kepada negara-negara Islam dan negara-negara bukan Islam pun tidak boleh me-

mihak kepada negara bukan Islam ataupun memihak kepada sesiapa yang menjadi rakan atau kawan.

“Kita perlu melihat keganasan ini sebagai satu jenayah yang perlu ditangani oleh seluruh dunia,” tegasnya.

Perdana Menteri mengulas kejadian serangan berapi mati oleh pengganas ke atas Pusat Dagangan Dunia (WTC) di New

York dan Pentagon di Washington, Selasa lalu, yang mengakibatkan tidak kurang daripada 10,000 orang terkorban.

Ditanya adakah Malaysia akan memberi bantuan sekiranya diminta oleh AS, Dr. Mahathir berkata: “Ya, apa sahaja yang kita boleh lakukan. Kita mesti ingat bahawa terdapat rakyat Malaysia yang bekerja di

■ Lihat muka 4

PM: Tangani isu keganasan tanpa sebelahi mana-mana pihak

UM 15 SEP 2001

WTC yang masih hilang.”

Perdana Menteri juga mengulangi pendirian beliau supaya keganasan tidak digunakan bagi menyelesaikan masalah.

“Ini bukan cara untuk menyelesaikan masalah, ia akan disusuli dengan tindak balas dan kemudian tindak balas lagi,” ujarnya.

Ditanya mengenai arahan kabinet Rabu lalu supaya semua lokasi strategik negara termasuk lapangan terbang dan Menara Berkembar Petronas dikawal rapi, Dr. Mahathir berkata:

“Keganasan tidak mempunyai jangka masa bila ia akan berakhir. Oleh itu kita perlu berjaga-jaga sepanjang masa.”

Mengenai sentimen anti-Islam dan anti-Arab yang kian memuncak di kalangan rakyat AS ekoran serangan itu, Dr. Mahathir berkata, perkembangan tersebut perlu diseekat secepat mungkin.

“Sudah tentu orang ramai (rakyat AS) pada waktu ini tidak mampu mengawal emosi mereka.

“Saya mengandaikan ini adalah reaksi semula jadi, tetapi saya harap ia akan diseekat kerana ini bukanlah satu tindakan yang betul,” katanya.

Laporan akhbar hari ini menyiarkan mengenai kes ugutan yang diterima oleh rakyat AS beragama Islam dan kejadian memecah tingkap masjid di Texas yang dilakukan oleh pihak tidak bertanggungjawab bagi membalas dendam terhadap kejadian serangan terbahit.

Sentimen itu memuncak setelah pihak berkuasa AS cuba mengaitkan kejadian serangan tersebut dengan sekumpulan 50 orang berketurunan Arab yang diketuai oleh jutawan Arab Saudi, Osama bin Laden.